



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Lembaga Kemajuan (Pindaan) 1981
DR.5/1981

D. R. No.

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972, Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978, Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah 1973 dan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan (Pindaan) 1981 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1981.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972, Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978, Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah 1973 dan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 adalah dipinda dengan—

Pindaan
bagi
seksyen 5
dan Jadual
Pertama.
Akta 75,
203, 104,
68.

(a) menggantikan seksyen 5 dengan yang berikut:

“Ke-
anggotaan
Lembaga.

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut yang dilantik oleh Menteri, kecuali Pengurus Besar:

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang Timbalan Pengerusi;

(c) tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan;

(d) tiga orang wakil Kerajaan Negeri;

(e) tiga orang yang mempunyai kedudukan profesional yang berkaitan; dan

(f) Pengurus Besar.

(2) Tertakluk kepada seksyen-kecil (3) dan (4), peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah dipakai bagi anggota-anggota Lembaga.

(3) Perenggan 1, 2, 3 dan 7 Jadual Pertama tidak boleh dipakai bagi Pengurus Besar.

(4) Pengurus Besar tidak mempunyai hak untuk mengundi dalam mana-mana mesyuarat Lembaga.

(5) Apabila jawatan Pengurus Besar kosong, seksyen-kecil (1) hendaklah dibaca seolah-olah perenggan (f) telah dipotong.”; dan

(b) menggantikan perkataan “empat” yang terdapat dalam perenggan 4 (2) Jadual Pertama dengan perkataan “enam”.

Pindaan
bagi
seksyen
13 (2).
Akta 75.

3. Seksyen 13 (2) Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 adalah dipinda dengan menambah suatu noktah selepas sahaja perkataan “Pengerusi” dan memotong perkataan-perkataan “dan boleh mengambil bahagian tanpa hak mengundi dalam mana-mana mesyuarat Lembaga.” yang terdapat selepas sahaja perkataan “Pengerusi”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972, Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978, Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah 1973 dan Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 untuk memasukkan tiga orang berkedudukan profesional yang berkaitan dan juga Pengurus Besar dalam keanggotaan tiap-tiap

Lembaga sebagai tambahan kepada anggota-anggota dilantik yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Pengurus Besar tidak dibenarkan mengundi di mana-mana mesyuarat Lembaga. Untuk mencapai maksud ini, *Fasal 2 (a)* bertujuan untuk menggantikan seksyen 5 yang sedia ada dengan seksyen 5 baru. *Fasal 2 (b)* memperuntukkan suatu pindaan berbangkit kerana bertambahnya keanggotaan tiap-tiap Lembaga.

Fasal 3 memperuntukkan suatu pindaan berbangkit kerana kemasukan Pengurus Besar sebagai seorang anggota dalam Lembaga Kemajuan Johor Tenggara.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1087.]

